

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menghantar balik ke lautan terbuka sebanyak 300 orang individu etnik Rohingya yang tiba di perairan Malaysia melalui bot pada Jun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan tidak pernah bercadang untuk menghantar balik ke lautan terbuka individu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) etnik Rohingya, Myanmar yang tiba di perairan Malaysia melalui bot pada Jun 2020.
2. Terdapat 2 insiden yang membabitkan keseluruhan seramai 521 orang individu Rohingya iaitu 269 orang pada Bulan Jun 2019 dan 252 orang pada bulan Mac 2020. Insiden ini masih di dalam siasatan pihak keselamatan yang berkaitan terutamanya dalam aspek penyeludupan manusia, kesalahan memasuki negara tanpa mempunyai dokumen yang sah, elemen penglibatan jenayah terancang serta aspek – aspek keselamatan yang lain.
3. Justeru, sekiranya hasil siasatan juga mendapati bahawa PATI etnik Rohingya tersebut memerlukan perlindungan antarabangsa berdasarkan kepada prinsip non-refoulement yang diguna pakai di peringkat antarabangsa dan pengecualian yang diberikan kepada warga asing yang mungkin memerlukan perlindungan antarabangsa oleh pihak UNHCR, atas dasar kemanusiaan, golongan ini mungkin tidak diusir dan dibenarkan untuk berada secara sementara di dalam negara sehingga mereka ini ditempatkan ke negara ketiga yang lain atau pulang ke negara asal apabila krisis di wilayah Rakhine, Myanmar mulai reda.

Sekian, terima kasih.